

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
INTAN, BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR
UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI-ISTERI PEGAWAI KANAN
KERAJAAN 1988
11 OKTOBER 1988**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana kita dapat bersama-sama bertemu di Majlis ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak INTAN kerana telah memberikan kesempatan dan penghormatan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dan selanjutnya merasmikan pembukaan Kursus Isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan 1988 ini.

2. Kursus pada kali ini merupakan kursus yang ke-10 semenjak ianya dimulakan pada tahun 1977. Semenjak dari itu, kursus ini telah banyak mengalami perubahan dan pembaharuan dan saya sukalah mengucapkan syabas kepada pihak INTAN atas dayausaha dan inisiatifnya kerana telah melaksanakan kursus-kursus pada masa-masa yang lalu dengan jayanya. Saya mempunyai penuh harapan semoga kursus pada tahun ini juga akan mendapat kejayaan sepenuhnya.

3. Kursus ini pada asasnya adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan meninggikan lagi kefahaman kepada isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih positif dalam membantu suami mereka mewakili negara di seberang laut ataupun semasa mengikuti suami menjalankan tugas rasmi.

4. Adalah diharapkan kursus ini akan dapat memberi penyediaan mengenai peranan dan tanggungjawab isteri-isteri dalam meninggi dan mempertahankan imej negara khususnya apabila mereka mengikuti suami untuk mewakili negara di seberang laut.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

5. Malaysia adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun. Kita sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang aktif dalam struktur antarabangsa. Dengan demikian, kita perlu memainkan peranan yang agresif dalam berbagai isu antarabangsa sama ada isu-isu rantau Asia Tenggara atau isu-isu di peringkat sejagat.

6. Dalam usaha ini, saya rasa isteri-isteri juga boleh memainkan peranan dalam usaha kita untuk memprojek imej Malaysia di luar negeri. Kita seboleh-bolehnya ingin menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang terkenal dan maju selaras dengan negara-negara maju di dunia. Usaha-usaha untuk meninggikan imej Malaysia di

seberang laut bukanlah satu perkara yang senang kerana ianya memerlukan pemahaman dan pengetahuan mengenai hal-hal kenegaraan dan keperibadian Malaysia dan sebagainya. Saya mempunyai penuh harapan bahawa puan-puan akan dapat mempelajari aspek ini semasa menghadiri Kursus ini.

7. Satu lagi perkara yang sering dikaitkan dengan peningkatan imej Malaysia di luar negeri ialah mengenai pemupukan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan isteri-isteri. Saya percaya unsur-unsur perpaduan dan kerjasama akan dititik-beratkan dalam kursus ini supaya sikap perpaduan, toleransi, keharmonian, persefahaman antara isteri-isteri akan terus wujud terutama sekali apabila isteri-isteri mengikuti suami bertugas di luar negeri. Keadaan ini akan mengelakkan wujudnya perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti perselisihan faham, pertelingkahan dan sebagainya yang boleh menjejaskan imej negara.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

8. Mengenai hal-hal hubungan antarabangsa pula, kita mendapati bahawa diplomasi sekarang telah banyak mengalami perubahan. Para diplomat yang mewakili negara di seberang laut menghadapi berbagai-bagai cabaran terutama sekali bagi diplomat-diplomat dunia ketiga. Saya rasa dalam hal ini, isteri-isteri diplomat juga boleh memainkan peranan yang complimentary dengan peranan suami masing-masing. Di dalam majlis perjumpaan, majlis jamuan dan perbincangan umpamanya, isteri-isteri dapat memberi maklumat dan penerangan mengenai Malaysia. Sebagai contoh, dalam usaha Kerajaan untuk memperbanyakkan pelaburan luar di Malaysia, isteri-isteri juga boleh mengambil bahagian dalam usaha ini dengan memberitahu rakan-rakan dan kenalan-kenalan di luar negeri mengenai peluang dan iklim pelaburan di Malaysia, serta kestabilan politik dan ekonomi yang wujud di negara kita ini. Tugas ini bukanlah senang tetapi isteri-isteri boleh melakukannya sekiranya kita mengambil berat dan mengetahui tentang hal-hal negara kita dan juga hal-hal antarabangsa. Jangan kita sekali-kali mengkritik negara-negara lain atau negara kita sendiri atau mencera rakan-rakan kita dengan orang asing kerana ini bukan sahaja menjatuhkan imej negara bahkan kehormatan diri sendiri.

9. Diplomasi sekarang bukan sahaja tugas para diplomat. Isteri-isteri boleh memainkan peranan dalam bidang diplomasi ini dengan mengadakan pertunjukan-pertunjukan fesyen tradisional Malaysia, pameran aneka juadah makanan Malaysia, seni kraftangan Malaysia dan juga pertunjukan kebudayaan. Usaha ini bukan sahaja dapat menyebarkan pengetahuan mengenai Malaysia tetapi juga dapat melipat-gandakan lawatan-lawatan pelancong di Malaysia, terutama sekali pada masa sekarang apabila usaha-usaha sedang dijalankan untuk menempatkan Malaysia sebagai negara pelancongan antarabangsa.

10. Saya juga ingin menyeru kepada isteri-isteri supaya dapat meningkatkan pembacaan terutama sekali mengenai hal-hal semasa bagi membolehkan isteri-isteri mengikuti perkembangan yang sedang berlaku supaya kita tidak ketinggalan. Isteri-isteri patut mengambil peluang meningkatkan pembacaan, lebih-lebih lagi bahan-bahan bacaan terdapat dengan banyaknya di pasaran buku luar negeri.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

11. Satu bidang yang saya rasa isteri-isteri patut mengikutinya di luar negeri tanpa menjejaskan tugas-tugas bersama suami atau keluarga ialah menghadiri kursus-kursus profesional seperti senireka fesyen, kaunselling, pembentukan dan psikologi anak-anak dan sebagainya yang bukan sahaja dapat meningkatkan kebolehan persendirian tetapi juga dapat digunakan untuk kemudahan-kemudahan masyarakat Malaysia yang ada di seberang laut.

12. Salah satu masalah yang kerap timbul di luar negeri ialah penyesuaian hidup rakyat Malaysia di seberang laut terutama oleh penuntut-penuntut Malaysia. Mereka menghadapi berbagai masalah seperti emosi, pendidikan agama, pergaulan dan masalah penyesuaian diri dengan budaya asing yang jauh berbeza dengan budaya kita. Dalam hal ini saya yakin isteri-isteri diplomat dapat sedikit sebanyak membantu, terutama dalam memberi nasihat, kaunselling dan tunjuk-ajar agar penuntut-penuntut kita itu lebih bersedia menghadapi kejutan budaya atau 'cultural shock'. Sebagai isteri Duta, Pesuruhjaya Tinggi, Kaunselor atau isteri Pengarah Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut, kita perlu sedia menerima penuntut-penuntut dating kekediaman kita untuk berbincang sesuatu hal.

13. Saya ingin tegaskan di sini juga betapa pentingnya anak-anak perlu dipupuk dengan nilai-nilai dan kebudayaan Malaysia demi untuk menyemaikan semangat dan perasaan cintakan negara sendiri. Anak-anak diberi bimbingan dan didikan agama yang secukupnya supaya mereka tidak ketinggalan terutama sekali apabila mereka dalam usia menjelang belasan tahun. Di samping itu perjumpaan kanak-kanak bersama dengan ibu bapa-ibu bapa pada perayaan-perayaan Malaysia akan menyemaikan kesetiaan kepada negara dengan menyanyi lagu-lagu Kebangsaan dan patriotik.

14. Satu perkara yang saya anggap penting bagi isteri-isteri ialah kebolehan berkomunikasi. Kita perlu mempunyai kebolehan untuk menyampaikan pengetahuan dan ini hanya dapat dilakukan sekiranya isteri-isteri dapat melapangkan sedikit masa untuk mengambil berat dan mengetahui akan hal-hal semasa supaya kita boleh diajak berbincang dalam berbagai bidang pengetahuan. Dalam hal ini juga, saya rasa isteri-isteri perlu mempelajari akan teknik-teknik dan bentuk-bentuk perundingan supaya kita mahir dalam segala bentuk perbincangan atau perbualan.

15. Saya juga ingin mengesyorkan kepada puan-puan supaya dapat berbincang bersama-sama dalam Kursus ini terutama mengenai cara-cara yang bijak untuk membahagikan masa puan-puan antara tugas-tugas, aktiviti-aktiviti sosial, tanggungjawab terhadap rumahtangga dan keluarga dan juga peranan yang puan-puan dapat berikan untuk kepentingan negara.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

16. Sukalah saya menyebutkan sekali lagi di sini bahawa puan-puan sungguh bertuah kerana dapat mengikuti kursus ini. Semoga dengan pengetahuan yang akan diperolehi akan dapat menambahkan lagi keyakinan puan-puan terhadap peranan dan tanggungjawab dalam membantu tugas puan-puan serta tugas-tugas harian suami puan kelak. Saya juga menyeru agar puan-puan dapat mengikuti Kursus ini sepenuh masa dan dengan penuh minat dan juga tidak menia-siakan inisiatif dan usaha INTAN dalam merancang dan menguruskan kursus ini.

17. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Kursus Isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan 1988 dibuka dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.